

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan makmal khas bertujuan untuk diagnosis penyakit virus berjangkit seperti COVID-19 di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **telah pun mempunyai perancangan untuk membina sebuah Kompleks Makmal Kesihatan di Batu 11, Jalan Kuching-Serian, Kuching, Sarawak.** Kerja-kerja awalan bagi projek ini telah pun diluluskan di bawah permohonan *Rolling Plan* 4 Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4 RMK-11). Skop cadangan projek ini merangkumi Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan. Makmal Kesihatan Awam ini meliputi Makmal Penyakit Berjangkit yang boleh digunakan untuk pengesanan dan pengesanan Covid-19.

2. Di samping itu, **Makmal Molekular khas untuk pengesanan dan pengesanan COVID-19 telah pun beroperasi di lima (5) buah hospital di Sarawak, iaitu Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibul, Hospital Bintulu, Hospital Miri dan Pusat Jantung Sarawak.** Tambahan daripada itu, **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Borneo Medical Centre** juga turut menjalankan ujian pengesanan dan

pengesahan COVID-19. Kesemua ini menjadikan **jumlah kapasiti ujian Covid-19 bagi negeri Sarawak adalah sebanyak 2226 ujian sehari.** Sehingga 6 Ogos 2020, sebanyak **91,156 ujian COVID-19 telah dijalankan di Sarawak.**

Sekian, terima kasih.